

Setelah didapati bersalah kerana rasuah

# PM: Pairin patut undur

Oleh  
MOHD. NOOR SAMAD  
dan RUHAIDINI ABDUL KADIR

**B**EAUFORT 31 Jan. — Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan yang telah didapati bersalah kerana rasuah sepatutnya melepaskan jawatannya dalam kerajaan dan parti, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, Pairin bukan saja patut mengundurkan diri daripada menjadi Ketua Menteri, malah, menarik diri daripada bertanding dalam pilihanraya negeri Sabah kali ini.

Menurutnya, tindakan Pairin yang masih mahu terus bertanding dalam pilihanraya dan menerajui tampuk kepimpinan Kerajaan Negeri Sabah membuktikan beliau tidak mempedulikan nasib rakyat dan negerinya.

Dr. Mahathir berpendapat, Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) itu sepatutnya berundur diri daripada politik kerana rakyat sudah tentu tidak mahu pemimpin yang terlibat dalam rasuah.

"Pairin didapati bersalah kerana rasuah oleh mahkamah tetapi masih tidak mahu mengosongkan jawatannya dalam kerajaan dan parti," katanya pada Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Bandaran di sini hari ini.

■ Lihat muka 2

## PM: Pairin patut undur

Menurut beliau, tindakan Pairin yang ingin bertanding pada pilihanraya negeri ini pada 18 dan 19 Februari ini dengan hasrat untuk terus menerajui Kerajaan Negeri Sabah adalah satu perbuatan yang memalukan.

"Jika dia (Pairin) seorang yang bermaruah dan berwibawa, dia patut melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan politik selepas mahkamah mendapatinya bersalah," kata Perdana Menteri disambut dengan tepukan gemuruh oleh kira-kira 10,000 hadirin.

Dr. Mahathir berkata, kini terpuanglah kepada rakyat Sabah untuk membuat keputusan pada pilihanraya negeri itu, sama ada masih mahu Pairin terus diberi kuasa memerintah.

"Apakah rakyat Sabah masih mahu orang yang didapati bersalah oleh mahkamah jadi Ketua Menteri.

"Tak usah mengira belas kasihan, hakikatnya dia (Pairin) telah didapati bersalah oleh mahkamah," kata Perdana Menteri.

Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu baru-baru ini mendapati Pairin ber-

salah atas tuduhan rasuah dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,800.

"Dia sepatutnya letak jawatan serta merta apabila didapati bersalah.

"Kita bukan hendak Ketua Menteri yang asyik seronok sahaja. Kalau dia tidak betul, kita akan tukar dengan yang baru. Kalau yang baru juga tidak betul, kita akan tukar lagi.

"Ini jaminan BN. Kita boleh buat demikian kerana kita bukannya datang daripada satu parti sahaja," katanya.

Dr. Mahathir berkata, perjuangan Pairin sebenarnya cetek, tanpa prinsip dan tidak berasaskan kepada perjuangan untuk membela rakyat.

Menurutnya, sejarah perjuangan Pairin bermula dengan kemarahannya terhadap Ketua Menteri Sabah sebelum itu, Datuk Harris Salleh.

Katanya, apabila beroleh kemenangan (pada pilihanraya negeri 1985), Pairin tetap tidak memikirkan untuk menolong rakyat sebaliknya menjadikan rakyat mangsa terhadap perbuatannya.

"Dia hanya tolong keluarganya hi-

ngga kena masuk mahkamah (atas tuduhan rasuah). Tak usahlah kira tentang denda itu, tetapi dia tetap bersalah.

"Apakah kita hendak seorang Ketua Menteri yang mahkamah sendiri sudah sahkan dia penjenayah," beliau bertanya dalam ucapannya selama kira-kira 50 minit itu.

Hadir sama pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Leo Moggie.

Turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik.